

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran,
Enche Hussein Onn, pada Hari Pembukaan
Resmi Kursus Pegawai2 Khas Taman Didekan
Kanak2 di-Maktab Latehan, Bukit Nanas,
pada pukul 10.00 pagi, hari Sabtu bersamaan
12hb Februari, 1972.

Fail
A/14/2
Uchapan: ADHO
507
126/80

Saya sungguh berasa gembira membukakan dengan resmi-nya, 'Kursus bagi Pegawai2 Khas Taman Didekan Kanak2' ini.

Saperti yang termaklum, orang2 awam dan Kementerian Pelajaran telah merasa churiga terhadap banyak-nya apa yang di-katakan taman kanak2 itu, merebak dengan riak-nya di-seluruh negeri. Sungguh pun ada taman kanak2 yang di-uruskan dengan betul dan patoh kepada norma dan kelulusan2 yang di-akui, malang-nya paling banyak pula yang rendah mutu-nya atau di-tubuhkan sa-mata2 untok menchari untong. Tuan2 sekalian akan bersetuju dengan saya, bahawa dalam keadaan bagini, orang2 awam perlu-lah di-beri perlindungan kerana pusat2 yang di-katakan taman kanak2 saperti ini boleh merosakkan anak2 kita dengan terok-nya.

2. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah2 utama untok di-lengkapkan dengan kuasa undang2 untok mengawasi pertubohan dan pengurusan pusat2 didekan saperti ini. Persidangan Parlimen sekarang ini telah meluluskan pindaan2 kapada Akta Pelajaran 1961 untok memberi kuasa-undangan yang diperlukan ini. Peratoran2 akan di-keluarkan oleh Kementerian Pelajaran, dari masa ka-samasa, untok menguatkuasakan pindaan2 Akta Pelajaran itu.

3. Kesedaran terhadap kepentingan pelajaran awal kanak2 kechil telah merebak di-seluruh dunia. Tidak shak lagi bahawa semua kanak2 antara umor empat dan enam tahun akan mendapat menafaat yang pesat dalam segala segi dari perhubungan mereka dengan orang2 lain dengan mereka sendiri dan juga dengan orang2 dewasa. Mereka memerlukan peluang2 yang menchabar dan lebeh luas daripada yang ada dalam lengkongan famili masing2. Mereka memerlukan penggunaan perabot2 yang leluasa yang boleh di-gunakan dengan bimbingan orang dewasa yang mempunyai

pengetahuan khas, kemahiran dan latehan.

4. Oleh demikian, Kementerian Pelajaran, mempunyai pandangan bahawa sistem pelajaran negeri ini perlu juga memberikan Pelajaran Awal Kanak2, dan bukan sahaja menitek-beratkan pelajaran sekolah rendah dan di-sambongkan ka-pelajaran menengah dan terus ka-peringkat tertinggi sekali.

5. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran kita telah pun membuat beberapa kaji selidek atas hal ini. Rangkaian dasar yang luas untok 5 tahun telah pun di-sediakan untok perkembangan taman kanak2:

(i) Mulai dari tahun sudah (1971), suatu Jawatan-kuasa kerja telah di-ujudkan, perbinchangan2 telah di-adakan dan ranchangan2 di-atorkan. Bahan2 bimbingan juga telah di-sediakan.

(ii) Pada tahun ini (1972), antara yang lain2-nya, Kementerian ini telah menguruskan kursus2 perengkat atasan untok melateh pakar2 taman kanak2 dengan tujuan hendak menubuhkan pusat pakar2 di-Kementerian Pelajaran, Pejabat2 Pelajaran, Pusat2 Taman Kanak2 Negeri dan

Pusat2 Latehan Perguruan. Kursus yang sedang kita adakan hari ini ia-lah suatu-nya daripada ranchangan2 untok tujuan yang tersebut itu.

(iii) Dalam tahun 1973, ranchangan ini akan terus di-majukan dengan:

(a) penubohan suatu pusat jentera pentadbiran;

(b) penubohan suatu badan penyelia di-perengkat negeri;

(c) penubohan Taman Didekan Pusat di-perengkat daerah/negeri;

(d) pengurusan kursus2 untok guru2 taman kanak2.

(iv) Tahun2 1974, 1975 dan 1976 akan di-khaskan untok kerja2 memperkokohkan dan meluaskan lagi sistem taman kanak2 ini.

6. Ada-lah mustahak juga untok kita menetapkan norma2 yang tertentu untok taman kanak2 dari segi padang2 permainan, kerusi meja, perabot2, kelulusan para pendidek, jadual harian dan lain2. Ini semua akan di-nyatakan sechara undang2 dari masa ka-semasa.

7. Untuk permulaan, kita perlu-lah mengadakan beberapa orang kaki-tangan yang terlatih dengan chukopnya untuk kerja2 di-taman-pendidikan. Mereka ini-lah mengujudkan pusat2 permulaan. Itu-lah tujuan kursus sa-tahun ini. Ada 30 puloh orang pelatih, antaranya ada-lah dari Maktab2 Perguruan Sekolah2 Rendah dan 26 orang ada-lah guru2 sekolah rendah. Oleh kerana kesemua maktab perguruan Kerajaan sedang di-gunakan pada masa ini, Convent ini, telah dengan bermurah hati membenarkan kita menggunakan tempat latihan-nya selama sa-tahun. Saya suka mengucapkan terima kaseh kepada Mother Provincial dan Lembaga Convent terhadap kerjasama dan jasa baik mereka. Saya di-beri faham bahawa badan Pengimbang Pelajaran Anglo-Malaysian 1972/1976 telah bersatuju mendermakan \$50,000/= yang boleh di-keluarkan dalam bulan April tahun ini, untuk buku2 rojokan, filem2, majallah2 dan perabot2 untuk kursus ini. Sementara itu, British Council telah dengan bermurah hati meminjamkan book2 dan lain2 bahan rojokan. Saya mengucapkan berbilang2 terima kaseh kepada British Council dan pihak

yang berkuasa badan Pengimbang Pelajaran Anglo Malaysian. Kehadziran Mrs. Barbara Breakell di-negeri ini ada-lah tepat pada masa-nya. Pertolongan-nya dalam bidang yang amat khas ini tetap-lah akan merapatkan lagi perhubungan antara orang2 negeri ini dan Great Britain.

8. Akhir sakali, suka saya menguchap sa-patah dua kapada para-pelateh sakalian. Saya perchaya Che'Gu2 sakalian sedar betapa penting-nya kursus yang di-ikuti sekarang. Benar-lah kursus ini ada-lah pesat. Namun begitu ranchangan ini ada-lah menchabar dan akan memberi kepuasan. Berjaya-lah, harap-nya2, Che'Gu2 sakalian.

Sekarang saya dengan gembira-nya mengishtiharkan kursus ini di-buka.



